

# Najib cabar pelantikan Sri Ram

BH- 19/2/2019 M/s: 56

➔ Mahkamah  
putusan esok  
mula prosiding  
semakan  
kehakiman

Oleh Ahmad Johari  
Mohd Ali  
ajohari@bharian.com.my

✦ Kuala Lumpur

**M**ahkamah Tinggi menetapkan esok untuk memutuskan permohonan kebenaran dikemukakan Datuk Seri Najib Razak dan peguamnya bagi memulakan prosiding semakan kehakiman untuk mencabar

pelantikan bekas Hakim Mahkamah Persekutuan, Datuk Seri Gopal Sri Ram.

Pelantikan Sri Ram oleh Pejabat Peguam Negara itu adalah selaku Pendakwa Raya Kanan bagi mengetuai pasukan pendakwaan dalam kes jenayah dihadapi Najib dan peguamnya, Tan Sri Muhammad Shafee Abdullah.

Peguam Kanan Persekutuan, Shamsul Bolhassan yang mewakili Pejabat Peguam Negara selaku responden ketika ditemui selepas pendengaran permohonan kebenaran itu semalam berkata, mahkamah turut mendengar bantahan awal dikemukakan pihaknya.

Beliau berkata, bantahan awal itu membabitkan isu bahawa kini terdapat dua permohonan sama difailkan kedua-dua pemohon iaitu di Mahkamah Tinggi Sivil dan Mahkamah Tinggi Jenayah.

Katanya, permohonan di Mah-

kamah Tinggi Jenayah membabitkan notis usul bagi mendapatkan perintah supaya Sri Ram menarik diri daripada mengetuai kes pendakwaan, manakala Mahkamah Tinggi Sivil pula membabitkan permohonan mencabar kesahan, kewajaran dan sama ada pelantikan Sri Ram adalah munasabah.

## Mempunyai asas sama

“Kami berhujah kedua-dua permohonan itu sepatutnya didengar di Mahkamah Tinggi Jenayah kerana mempunyai asas sama,” katanya.

Muhammad Shafee yang mewakili Najib ketika ditemui berkata, walaupun permohonan kebenaran semakan beliau dan Najib difailkan berasingan, ia membabitkan nas dan hujahan sama.

Sementara itu, peguam Harvinderjit Singh yang mewakili Muhammad Shafee berkata, isu dikemukakan pihaknya adalah ber-

hubung sama ada pelantikan Sri Ram oleh Pejabat Peguam Negara selaku Pendakwa Raya Kanan adalah sah dan keengganan pendakwaan mengemukakan surat pelantikan kepada peguam bela.

Berlainan dengan permohonan di Mahkamah Tinggi Jenayah, Harvinderjit berkata, ia membabitkan permohonan pihaknya bagi perintah supaya Sri Ram menarik diri atau membatalkan kelayakannya daripada mengetuai dan mengendalikan pendakwaan kes berkenaan.

Permohonan bagi kebenaran memulakan semakan kehakiman dan bantahan awal Pejabat Peguam Negara akan diputuskan Hakim Mahkamah Tinggi, Datuk Azizah Nawawi.

Dalam permohonan kebenaran bagi semakan kehakiman difailkan Disember lalu, Najib dan Muhammad Shafee memohon pe-

risytiharan membatalkan keputusan Peguam Negara/Pendakwa Raya yang tidak mengemukakan surat pelantikan Sri Ram mengikut Seksyen 376(3) Kanun Acara Jenayah.

## Menolak pelantikan

Mereka turut memohon membatalkan atau menolak pelantikan Sri Ram berikutan surat pelantikan tidak sah dan memohon perisytiharan terdapat konflik kepentingan berhubung pelantikan itu.

Turut dipohon, perintah melarang Sri Ram mengetuai pasukan pendakwaan dalam semua kes jenayah dihadapi Najib membabitkan 1Malaysia Development Berhad (1MDB) dan kes mengemukakan pernyataan tidak benar kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) serta pengubahan wang haram dihadapi Muhammad Shafee.